Untuk lebih memberi keseronokan dan keterujaan kepada kanak-kanak dan remaja berusia sehingga 15 tahun, pasukan Insurans Hayat Cares telah mengagih-agihkan beg cenderahati yang mengandungi mainan, anak patung beruang, buku cerita, tabung, alat tulis, barang dandan diri, tuala, bekas minuman dan juga barang Upin & Ipin kepada kanak-kanak dan penjaga mereka. Mereka juga berpeluang bergambar dengan Upin & Ipin dan meluangkan masa dengan maskot tersebut di katil hospital mereka.

Dr Eni Juraida Abdul Rahman, pakar perunding pediatrik Wad Onkologi HKL, berkata lawatan tersebut sememangnya membawa senyuman kepada kanak-kanak yang sedang menerima rawatan di wad Onkologi Kanak-kanak. Hospital ini merawat kanak-kanak dari baru lahir hingga umur 15 tahun dan merawat hampir 150 kanak-kanak setahun.



## Mempromosi Kesedaran Kanser Melalui Ceramah

Pada 28 Mei 2015, pasukan Insurans Hayat Cares telah bekerjasama dengan Cancer Research Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Cancer Research Initiatives Foundation - CARIF) dan Institut Insurans Malaysia (MII) bagi menganjurkan Ceramah Kanser untuk industri insurans dan takaful serta orang ramai.

Dua penceramah terkenal dalam bidang kanser, Profesor Dr Teo Soo Hwang, Ketua Eksekutif Cancer Research Malaysia, dan Dr Eni Juraida Abdul Rahman, Pakar Perunding Pediatrik Wad Onkologi, Hospital Kuala Lumpur, telah memberikan pembentangan yang meningkatkan pemahaman serta berkongsi pengetahuan mereka dan maklumat bernilai tentang kanser di MII City Centre, Wisma Sime Darby Kuala Lumpur.

Pengerusi Jawatankuasa Promosi Industri LIAM, Encik Ramzi Toubassy dalam ucapan alu-aluananya memuji sokongan industri ini kepada aktiviti sedemikian dan berharap lebih banyak ceramah seumpama itu akan dianjurkan pada masa akan datang bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai.

Profesor Dr Teo yang menyampaikan ceramah bertajuk "Cancer is not just bad luck, despite what the headlines say", berkongsi tentang gambaran keseluruhan kanser di dunia, sejarah genetik kanser serta statistik kanser di Malaysia. Beliau juga menyebut tentang beberapa kes termasuk kisah pelakon terkenal Hollywood Angelina Jolie yang telah menjalani pembedahan selepas doktor mengesahkan kemungkinan tanda-tanda kanser tahap awal pada dirinya.

Sementara itu, Dr Eni Juraida yang menyampaikan ceramah bertajuk "Growing up in the Shadows of Cancer" berkongsi kisahnya berurusan dengan ibu bapa kanak-kanak yang menghidap kanser. Dengan pengalaman lebih 20 tahun dalam bidang ini, beliau telah menyaksikan ramai bekas pesakit kanser menjalani kehidupan yang normal selepas rawatan dan boleh menjadi sumber inspirasi kepada orang lain. Dr Eni juga menyebut bahawa kanser dalam kalangan kanak-kanak boleh diubati dan ibu bapa tidak seharusnya putus harapan dalam mendapatkan rawatan terbaik untuk anak mereka.

## Larian Hari Bumi Antarabangsa Kuala Lumpur Ke-3 2015

Pada 19 April 2015, pasukan Insurans Hayat Cares bersama dengan 1,000 pelari yang bersemangat mengambil bahagian dalam Larian Hari Bumi Antarabangsa Kuala Lumpur Ke-3 2015 yang telah diadakan di Dataran Dewan Tuanku Canselor, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Dengan tema "Race to Sustainability", larian ini bertujuan meningkatkan keinsafan dan kesedaran terhadap penjagaan bumi serta menggalakkan kehidupan yang sihat, meningkatkan kesedaran alam sekitar dan menyokong kelestarian. Pasukan Insurans Hayat Cares terdiri daripada 170 pelari dari lapan syarikat ahli berlumba dalam larian 5km dan 10km dalam pelbagai kategori Lelaki, Wanita dan Veteran.

Larian ini dianjurkan oleh Asia World Event dan Universiti Malaya dan telah diadakan sempena dengan perayaan Larian Hari Bumi Antarabangsa yang melibatkan sejumlah lapan kategori Lelaki, Wanita dan Veteran untuk warga Malaysia dan warga asing. Seramai 30 pemenang pertama daripada setiap kategori dianugerahkan hadiah wang tunai, pingat dan sijil. Selain itu, pelari juga dihadiahkan anak pokok untuk dibawa pulang dan sijil penghargaan.

## LIAM dan Kumpulan Utusan meraikan Hari Raya bersama kanak-kanak kurang berasib baik

Pasukan Insurans Hayat Cares yang diketuai oleh Presiden LIAM, Encik Toi See Jong membawa keriangan Hari Raya kepada kira-kira 80 kanak-kanak dari Rumah Penyayang Nur Iman, Rumah HOPE dan anak-anak yatim dari Sekolah Kebangsaan TUDM di ibu pejabat Kumpulan Utusan pada 11 Ogos 2015.

Kanak-kanak dan remaja berusia di antara 1 hingga 17 tahun begitu gembira dan seronok apabila maskot terkenal, Upin & Ipin, yang memakai baju Melayu, mendendangkan lagu-lagu Hari Raya yang penuh nostalgia di atas pentas dan kanak-kanak tersebut mengambil kesempatan bergambar dengan Upin & Ipin.

Rumah-rumah ini juga menerima sumbangan derma barang dapur dan barang rumah. Kanak-kanak dan penjaga mereka dijamu dengan hidangan buffet yang lazat dan dihadiahkan beg cenderahati yang mengandungi anak patung beruang, tabung, alat tulis dan bekas minuman, ihsan dari syarikat ahli LIAM.

Pasukan Insurans Hayat Cares juga mengambil kesempatan melawat Kumpulan Utusan dan penerbitannya yang lain. Pasukan ini dibawa melawat ke pelbagai bahagian akhbar Utusan Malaysia dan Kosmo dan telah diperkenalkan kepada Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, YBhg. Datuk Othman Mohamad, Pengarang Utusan Malaysia, YBhg Dato' Hassan Mohd Noor, Pengarang Kosmo Ahad, Wan Hasnan Wan Hassan dan pegawai-pegawai kanan yang lain.

## Meraikan Kehidupan bersama Bekas Pesakit Kanser

**S**ebelum pasukan Insurans Hayat Cares mengakhiri program khidmat masyarakatnya bagi tahun 2015, ia telah menaja satu acara yang dinamakan Meraikan Kehidupan bersama Bekas Pesakit Kanser, satu usaha sama dengan Wad Onkologi, Unit Pediatrik Hospital Kuala Lumpur yang telah diadakan pada 21 November 2015 di Institut Kanser Negara di Putrajaya.

Pasukan Insurans Hayat Cares telah menaja selimut, tuala dan bantal kepada 100 bekas pesakit kanser dan sarapan untuk 350 orang. Acara ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr Hilmie Bin Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan dan dihadiri oleh 100 bekas pesakit kanser bersama ibu bapa mereka serta doktor dan jururawat yang merawat mereka dahulu.

Acara ini menyaksikan ikatan yang kukuh antara bekas pesakit kanser dengan ibu bapa mereka tanpa mengira kaum, asal usul atau taraf sosial.

## Program Latihan Industri Nasional

**S**alah satu projek yang LIAM akan lancarkan kemudian nanti pada tahun 2016 ialah Program Latihan Industri Nasional. Objektif program latihan industri ini, antara lainnya, menggalakkan graduan menyertai industri insurans hayat dan menjadikan insurans sebagai kerjaya pilihan mereka. Ia juga bertujuan mengubah persepsi tentang peluang kerjaya dalam industri insurans di mana ia selalu dianggap sebagai satu industri yang hanya memfokus kepada pekerjaan sebagai ejen insurans sahaja. LIAM bersama dengan sepuluh wakil dari syarikat ahlinya telah mengadakan mesyuarat pertama bagi membincangkan Program Latihan Industri dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (MOHE) pada 16 November 2015.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Dr. Sopian Bin Hj. Bujang, Pengarah, Bahagian Hal ehwal & Pembangunan Mahasiswa, Kementerian Pengajian Tinggi. Pengarah Bahagian Perhubungan Industri Kementerian, Prof. Madya Dr Arham Abdullah dan wakil-wakil dari Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Penyelarasaran Dasar.

Program Latihan Industri Nasional akan dibuka kepada mahasiswa dari semua disiplin dari universiti tempatan tetapi keutamaan akan diberikan kepada universiti awam. Ia merupakan program latihan industri 3 bulan dengan latihan kemahiran insaniah dan penempatan kerja dengan syarikat ahli LIAM dan mentor akan ditugaskan untuk membimbing mereka. Mahasiswa akan diberi elauan sepanjang program ini.

## Program Pendidikan Pengguna

### Penglibatan dengan Media

**K**ami terus mendekati pengguna umum melalui pelbagai platform, dan media merupakan salah satu daripadanya. Pada tahun tersebut, LIAM telah bekerjasama dengan pelbagai media dan penerbitan dengan menerbitkan artikel pendidikan mengenai Insurans Perubatan dan Kesihatan (MHI) dan Insurans/Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHIT) sebagai sebahagian daripada usaha mewujudkan kesedaran dan mempromosikan pendidikan kewangan kepada para pembaca di Malaysia.

Menerusi usaha sama kami dengan BERNAMA, agensi berita nasional, berita dan aktiviti industri ini dipaparkan dengan jelas dalam portal berita BERNAMA dan diterbitkan oleh kebanyakan media dan penerbitan di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Kami juga menganjurkan temu bual khas dengan BERNAMA TV dan BERNAMA Radio serta temu bual dengan penerbitan lain termasuk Asia Insurance Review, Smart Investor, majalah INSURANCE dan beberapa jurnal lain.

Artikel pendidikan LIAM juga disiarkan dalam media cetak dan elektronik seperti New Straits Times, Berita Harian, Harian Metro dan portal dalam talian Smart Investor.

LIAM juga menerima sokongan padu daripada media dari segi liputan berita mengenai pelbagai siaran berita yang diterbitkan sepanjang tahun itu. Ini termasuk kenyataan akhbar berkaitan dengan kemajuan dan perkembangan insurans hayat, Jawatankuasa Pengurusan LIAM yang baharu bagi tahun 2015/2016, aktiviti Insurans Hayat Cares, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), Bajet 2016 dan banyak lagi.

# Persidangan, Konvensyen dan Seminar

## Siri Jelajah Komuniti Ekonomi ASEAN

**S**iri jelajah Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) telah diadakan di Kuala Lumpur pada 19 Mei 2015. Dianjurkan bersama oleh LIAM, PIAM dan ASEAN Insurance Council (AIC), Siri Jelajah ini bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan industri mengenai AEC serta mengenal pasti bidang yang perlu ditangani bagi membolehkan industri ini bersiap sedia untuk menghadapi pembukaan pasaran di rantau ini. Di bawah Rangka Tindakan AEC untuk integrasi Perkhidmatan Kewangan dan Insurans di ASEAN, halangan perdagangan dan tarif dijangka dihapuskan di semua negara ASEAN untuk mewujudkan ASEAN sebagai pasaran tunggal dengan aliran barang, perkhidmatan, pelaburan dan buruh mahir yang tidak terbatas serta aliran modal yang lebih bebas.

## Forum Kebangsaan Ke-6, Upacara Pentauliahan dan Majlis Makan Tengah Hari MFPC

**L**IAM merupakan salah sebuah organisasi yang memberi sokongan pada Forum Kebangsaan Ke-6 dan Upacara Pentauliahan Majlis Perancang Kewangan Malaysia (MFPC) yang telah diadakan pada 23 Mei 2015 di Pusat Dagangan Dunia Putra. Acara ini menyaksikan sejumlah 350 individu dianugerahkan gelaran Perancang Kewangan Berdaftar (RFP), Perancang Kewangan Berdaftar Syariah (Shariah RFP), Afiliasi RFP dan Afiliasi Shariah RFP.

## Seminar Perancangan Persaraan Awal oleh Kumpulan Wang Persaraan

**E**ncik Raymond Chia dari Allianz Life Insurance Malaysia Berhad mewakili LIAM dan menyampaikan pembentangan mengenai “Lindungi Diri dan Keluarga” kepada kira-kira 100 orang eksekutif muda dari pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan pada Seminar Perancangan Persaraan Awal yang dianjurkan oleh Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) di Hotel Prince pada 28 Julai 2015.

Ceramah ini bertujuan mewujudkan kesedaran mengenai perancangan persaraan awal dan perlindungan insurans hayat. Seminar sehari ini juga termasuk sesi bersama KWAP dan BNM.

## Persidangan Antarabangsa bagi Skim Jaminan Insurans PIDM

**P**ada 25 Ogos 2015, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) telah mengadakan Persidangan Antarabangsa bagi Skim Jaminan Insurans (IGS) yang bertujuan melindungi pengguna kewangan dan mengukuhkan keyakinan dan kepercayaan dalam industri kewangan.

Encik Ramzi Toubassy, Pengurus Jawatankuasa Promosi Industri yang juga Ketua Pegawai Eksekutif AmMetLife Insurance Berhad, mewakili industri insurans hayat dalam panel perbincangan tentang isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh industri insurans dan takaful di Malaysia. Acara ini telah diadakan di Hotel Hilton, Kuala Lumpur.

## Sidang Kemuncak Insurans Malaysia Ke-5

**L**IAM sekali lagi menyokong Sidang Kemuncak Insurans Malaysia 2015 yang bertemakan “Beyond Borders: Bridging New Horizons in Asia Pacific” yang berlangsung pada 7 dan 8 Oktober 2015. Selama 5 tahun berturut-turut, MII telah menganjurkan acara ini yang menghimpunkan para profesional insurans dan takaful dari seluruh rantau ini untuk membincangkan perkembangan penting dalam industri ini.

LIAM diwakili oleh Encik Ramzi Toubassy, Pengurus Jawatankuasa Promosi Industri yang menyampaikan pembentangan mengenai persediaan industri ini berhubung dengan pengenalan LIFE Framework.

Sidang Kemuncak ini telah dilancarkan oleh Timbalan Gabenor BNM YBhg Dato' Muhammad bin Ibrahim. Sesi dialog tertutup juga telah diadakan antara Timbalan Gabenor dan Ketua-ketua Pegawai Eksekutif dari industri hayat, am dan takaful. Antara isu yang dibincangkan ialah Mikroinsurans, Pendigitalan industri serta tataetika perniagaan dalam jualan produk hayat.

## Konvensyen Ejen Insurans Hayat Bumiputera 2015

**L**IAM menganjurkan Konvensyen Ejen Insurans Hayat Bumiputera 2015 bersama dengan MII pada 17 Oktober 2015 di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur. Dengan tema "Kekal dan Cekal Bersaing", konvensyen sehari itu menampilkan barisan penceramah berpengalaman dan dihadiri lebih 500 ejen Bumiputera dari pelbagai syarikat insurans.

Konvensyen Bumiputera tahunan ini menyediakan platform motivasi untuk ejen insurans hayat Bumiputera berkongsi dan bertukar-tukar idea, kepakaran dan pengalaman serta memberi penghormatan kepada penghasil terbaik Bumiputera dalam industri insurans hayat.

## Mesyuarat Majlis Insurans ASEAN Ke-41

**M**esyuarat Majlis Insurans ASEAN (AIC) Ke-41 telah diadakan dari 27 hingga 29 Oktober 2015 di Phnom Penh, Kemboja. AIC merupakan perkumpulan persatuan insurans sektor swasta serantau di ASEAN yang dibentuk untuk menggalakkan hubungan dan kerjasama dalam kalangan penanggung insurans ASEAN. Mesyuarat Majlis ini diadakan setahun sekali di negara ASEAN yang dipilih. Antara isu yang dibincangkan termasuklah pelan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) untuk insurans hayat, rangka kerja modal berdasarkan risiko dan penubuhan persatuan aktuari tempatan bagi melonjakkan pembangunan profesi aktuari.

Sepertimana tahun-tahun sebelumnya, ahli-ahli AIC mengakhiri sesi dengan Mesyuarat Bersama dengan para Pengawal Selia Insurans ASEAN di mana ahli-ahli mengambil peluang ini untuk menyuarakan kebimbangan utama mereka yang dihadapi oleh sektor insurans. Ini termasuk menerima pakai rangka kerja modal untuk industri insurans, beberapa cadangan langkah perakaunan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa dan perkembangan pasaran modal tempatan serta pentingnya tindakan dan sokongan yang konsisten daripada para pengawal selia dalam mengharmonikan dasar ke arah pelaksanaan pelan AEC.

## Persidangan mengenai “Strengthening Financial Resilience of Malaysian Consumers” oleh FOMCA

**L**IAM mengambil bahagian dalam persidangan mengenai “Strengthening Financial Resilience of Malaysian Consumers” pada 26 November 2015 di Sasana Kijang, BNM.

Persidangan ini adalah usaha sama oleh Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan ERA Consumer dengan kerjasama BNM.

LIAM diwakili oleh Encik Ravinder Singh, Timbalan Pengurus Besar dan Ketua Hayat, Selatan dan Asia Tenggara, Hannover Re Cawangan Malaysia, yang berkongsi pembentangan tentang “Lindungi Diri dan Keluarga” dalam sesi panel. Antara panelis lain ialah Cik Christine Teh dari PIAM, Encik Azaddin Ngah Tasir, Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling Kredit dan Pengurusan Hutang (AKPK) dan wakil-wakil dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan RAM Credit Information. Sesi ini dimoderasikan oleh Encik Abu Hassan Alshari bin Yahaya, Penolong Gabenor, BNM.

Forum ini bertujuan memastikan status tabiat dan tingkah laku kewangan pengguna Malaysia, mengenal pasti jurang dalam mewujudkan pengguna yang berdaya tahan dalam pelbagai sektor kewangan serta merancang jalan ke hadapan melalui usaha sama institusi dan pemprograman berstruktur bagi meningkatkan daya tahan kewangan dalam kalangan pengguna Malaysia.

Selepas Persidangan ini, pihak berkepentingan utama di jangka akan terus bekerjasama untuk membangunkan strategi pendidikan kewangan nasional.

# Kunjungan Hormat

## Kunjungan Hormat ke BERNAMA

**S**ebagai sebahagian daripada objektif LIAM untuk membina hubungan yang baik dengan media, kunjungan ke BERNAMA telah dianjurkan pada 26 Mac 2015. Diketuai oleh bekas Presiden LIAM, Encik Vincent Kwo, rombongan 25 orang wakil dari syarikat ahli ini telah diberi taklimat tentang sejarah dan operasi BERNAMA oleh Ketua Pengarang BERNAMA, YBhg Datuk Zakaria Wahab dan ketua bahagian masing-masing, iaitu penyuntingan, portal dan pemasaran foto, perkhidmatan media dan pangkalan data, BERNAMA Radio24 dan BERNAMA TV.

Ia merupakan kunjungan yang membawa hasil buat LIAM kerana rombongan ini juga dibawa melawat ke beberapa bahagian termasuk studio radio dan televisyen. Rombongan ini juga diberi taklimat tentang bagaimana temu bual Radio dikendalikan dan melihat sepantas lalu bagaimana wartawan penyiaran TV membuat persiapan sebelum ke udara. Mereka juga berkesempatan bertemu dan beramah mesra dengan para Penyunting Kanan BERNAMA di meja kerja mereka.

## Kunjungan Hormat oleh Institut Aktuari Australia

**P**residen Institut Aktuari Australia, Cik Estelle Pearson dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Encik David Bell membuat kunjungan hormat ke LIAM pada 27 Julai 2015. Mereka mengadakan pertemuan dengan Presiden LIAM, Encik Toi See Jong dan bertukar-tukar pandangan tentang pengalaman industri insurans hayat di Australia dan Malaysia dan juga aktiviti LIAM.

## Kunjungan Hormat oleh Meiji Yasuda

**P**residen LIAM, Encik Toi See Jong, juga mengadakan pertemuan dengan Encik Hisashi Matsuki, Encik Yoshinori Watanabe dan Encik Takuma Ichikawa dari Meiji Yasuda Asia Limited pada 5 Ogos 2015 di Sekretariat LIAM. Perwakilan dari Meiji Yasuda juga mengadakan pertemuan dengan beberapa institusi dan syarikat tempatan bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai perkembangan dan peristiwa semasa dalam industri insurans Malaysia.

## Kunjungan Hormat ke Pejabat Timbalan Menteri Kewangan II

**L**IAM telah menganjurkan kunjungan hormat ke pejabat Timbalan Menteri Kewangan II, YB Dato' Hj. Johari Abdul Ghani pada 28 September 2015.

Melalui kunjungan ini, LIAM berkesempatan berkongsi perkembangan terkini industri insurans hayat dan berharap dapat mengukuhkan peranannya sebagai industri perkhidmatan kewangan yang progresif yang akan menyumbang ke arah pembangunan negara dan bangsa.

## Peristiwa Penting Lain Pada Tahun 2015

### Kejohanan Golf Persahabatan LIAM – BNM

**P**ada tahun 2015, LIAM berpeluang menganjurkan Kejohanan Golf persahabatan dengan BNM di Tropicana Golf & Country Resort pada 16 Ogos 2015. Pasukan dari BNM diketuai oleh YBhg. Dato' Muhammad bin Ibrahim, Timbalan Gabenor.

Semasa majlis makan tengah hari yang diadakan selepas kejohanan, Presiden LIAM, Encik Toi See Jong menyampaikan rasa terima kasihnya kepada YBhg Dato' Muhammad bin Ibrahim dan pasukannya dalam BNM di atas sokongan mereka terhadap aktiviti LIAM sepanjang tahun-tahun lepas.

LIAM berharap untuk menganjurkan lebih banyak lagi acara demi menjalin hubungan yang lebih erat dengan pengawal selia ini.

## Majlis Makan Malam Industri Insurans dan Takaful Malaysia “Distinguished Partner Awards 2015”

Industri insurans dan takaful telah menggembung tenaga menganjurkan Majlis Makan Malam Industri Insurans dan Takaful Malaysia *Distinguished Partner Awards (MITIDAD)* buat julung kalinya pada 23 Oktober 2015 di Mandarin Oriental Kuala Lumpur.

MITIDAD telah menggantikan Majlis Makan Malam Tahunan Industri Insurans dan Takaful (ITIAD) yang diadakan sebelum ini dan acara ini telah disusun semula untuk menyertakan pengiktirafan *Distinguished Partner and Stakeholder* dalam program utamanya sebagai penghormatan kepada mereka yang telah memberi sumbangan yang cemerlang kepada industri insurans dan takaful. Selain itu, setiap persatuan penganjur (PIAM, LIAM, MTA, MITBA dan AMLA) dan MII juga akan menyampaikan anugerah mereka sendiri untuk mengiktiraf tokoh insurans yang telah memberikan sumbangan yang penting dan bermakna kepada aktiviti persatuan dan MII.

PIAM merupakan organisasi utama yang bekerjasama dengan LIAM, MTA, MITBA, AMLA dan MII untuk menganjurkan MITIDAD 2015.

Acara ini telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Muhammad bin Ibrahim, Timbalan Gabenor BNM, yang telah menyampaikan ucapan pembukaan serta menyampaikan enam Anugerah Persatuan kepada pemenang serta anugerah utama, iaitu *Distinguished Partner Award*.

Biro Pengantaraan Kewangan (FMB) telah diumumkan sebagai penerima *Distinguished Partner Award* oleh industri ini. Encik Vincent Kwo, bekas Presiden LIAM menerima Anugerah Penyumbang Terbesar daripada LIAM.

## Mesyuarat Perancangan Strategik LIAM

Selaras sesi tertutup yang dipengerusikan oleh YBhg Dato' Muhammad bin Ibrahim, Timbalan Gabenor BNM di Sidang Kemuncak Insurans Malaysia Ke-5 pada 7 Oktober 2015, industri insurans hayat dan takaful telah diminta untuk mengkaji beberapa inisiatif dan mengemukakan cadangan kepada BNM.

Sehubungan ini, LIAM telah menganjurkan Mesyuarat Perancangan Strategik untuk membincangkan topik, “Digital Technology in the insurance industry”. Mesyuarat tersebut telah diadakan dari 10 hingga 12 Disember 2015 di Hotel Eastern & Oriental, Pulau Pinang dan telah dihadiri oleh kira-kira 35 ketua-ketua industri dan pegawai pengurusan kanan LIAM, PIAM dan MTA serta lima pegawai dari BNM.

Sesi perbincangan telah diadakan pada 11 Disember 2015 yang dibahagikan kepada dua segmen, iaitu pembentangan oleh penceramah dari jam 9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari dan perbincangan kumpulan “break-out” dari jam 3.00 petang hingga 5.00 petang.

Dua penceramah profesional dari Towers Watson dan IDC Asia/Pacific telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran mereka dengan para peserta. Encik Nicholas Chen, Ketua Penyelesaian Digital (Asiacap), Towers Watson berkongsi topik tentang “Creating a Competitive Advantage through Digital Innovations”. Encik Jon Krause, Naib Presiden (Asia Tenggara) dari Gartner Executive Programs menyampaikan ceramah tentang “Digital Business Models That Rock the Insurance Industry” dan juga menjadi moderator kepada perbincangan kumpulan “break-out” pada sebelah petang.

## Kesimpulan

LIAM merasa teruja oleh kemajuan dan pencapaian yang telah dilakar pada tahun lepas dan Jawatankuasa Pengurusan ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli di atas sokongan dan kerjasama mereka yang tidak berbelah bahagi. Kami berharap untuk mendapat sokongan dan komitmen yang berterusan daripada ahli-ahli ketika kami berhadapan dengan tugas dan cabaran yang lebih sukar pada bulan-bulan akan datang. Dengan sokongan dan komitmen padu daripada semua ahli, kami percaya industri ini akan terus berkembang maju dan muncul sebagai industri yang lebih kukuh dan progresif bagi memenuhi keperluan pengguna dan menyumbang kepada pertumbuhan negara.

# Performance of the Life Insurance Industry

## Malaysian Economy

The Malaysian economy grew by 5.0% in 2015, a respectable growth considering weak and uneven global economic recovery. The quarterly GDP growth rates were 5.6%, 4.9%, 4.7% and 4.5%, respectively. The corresponding quarterly growth rates in 2014 were 6.3%, 6.5%, 5.6% and 5.7%, respectively. The services sector grew by 5.0% in the fourth quarter (3Q 2015: 4.4%), underpinned by household spending and trade activity. The finance and insurance sub-sector registered a smaller contraction of 1.5% in the fourth quarter (3Q 2015: -3.1%) attributable mainly to higher growth in net interest income and insurance premiums.

Domestic demand continued to expand by 4.0% in the fourth quarter of 2015 (3Q 2015: 4.0%). Private sector expenditure grew by 4.9% (3Q 2015: 4.4%). Private consumption growth improved to 4.9% (3Q 2015: 4.1%), supported by stable wage growth and labour market conditions.

The inflation rate, as measured by the annual change in the Consumer Price Index (CPI), was lower at 2.6% in the fourth quarter of 2015 (3Q 2015: 3.0%) due to the lower domestic fuel prices. This was partly offset by the higher inflation for food and cigarettes. The Producer Price Index (PPI) continued to decline, albeit at a slower pace, on an annual basis in the fourth quarter (4Q 2015: -2.4%; 3Q 2015: -5.4%), mainly due to lower global commodity prices.

Labour market conditions remained steady during the fourth quarter with the unemployment rate remaining unchanged at 3.2% (3Q 2015: 3.2%). While the overall labour market conditions were steady, some signs of softening emerged, as evidenced by the slower hiring in the job market. Recent indications revealed that hiring intentions remain subdued, with many employers hesitating to expand their workforce given uncertainties in the global and domestic demand conditions.

The overnight policy rate (OPR) remained unchanged at 3.25% during the fourth quarter of 2015, which is at a level that remains accommodative and supportive of economic activity.

The ringgit appreciated against most major and regional currencies following renewed portfolio investment inflows, despite a 23% decline in Brent crude oil prices during the quarter.

The International Monetary Fund has moderately adjusted downward (0.2% downward revision) its projection on world GDP growth for 2016 to 3.4% taking into account a weaker pickup in emerging economies than was previously forecasted. The economies in Emerging and Developing Asia are expected to continue to outgrow the world economy and are projected by IMF to grow at 6.3% on average in 2016.

Meanwhile, the economies of ASEAN-5 (Malaysia, Indonesia, Philippines, Thailand and Vietnam) are projected to grow at 4.8%.

The overall growth of the Malaysian economy is expected to moderate to between 4% and 5% in 2016 amidst slower global growth, low commodity prices and the easing of private consumption growth. Consumer Sentiments Index dipped to a record low of 63.8 in 4Q 2015 with concerns over near-term jobs, incomes and higher prices.

Headline inflation is expected to be higher in 2016 as compared with the average rate of 2.1% in 2015, given recent adjustments in administrative prices and the weaker ringgit exchange rate. The inflation rate is anticipated to peak in the first quarter of 2016 and to moderate thereafter.

Amidst an environment of moderate domestic growth and heightened risks in the global economic and financial environment, the life insurance industry is forecasted to achieve a moderate single-digit growth in 2016.

### References:

1. Quarterly Bulletin, Fourth Quarter 2015, BNM.
2. Monetary Policy Statement, BNM (21/1/2016)
3. Malaysian Economic Outlook – Malaysian Institute of Economic Research (27/1/2016)
4. Consumer Sentiments Index – Malaysian Institute of Economic Research (27/1/2016)
5. World Economic Outlook Update (January 2016), International Monetary Fund

## Life Insurance Business

The life insurance industry recorded a healthy growth in 2015 with higher insurance protection for Malaysians, providing insurance coverage amounting to RM1.24 trillion in sum assured for all policies combined in 2015. The amount is 6.2% higher than the corresponding figure of RM1.17 trillion in 2014.

### SUM ASSURED

Type	2014	2015	Difference	Growth
Traditional	355,146,447,488	345,955,466,648	(9,190,980,840)	-2.6%
Investment-Linked	330,825,320,318	376,173,903,116	45,348,582,798	13.7%
Group	479,040,152,856	515,492,186,004	36,452,033,148	7.6%
<b>TOTAL</b>	<b>1,165,011,920,662</b>	<b>1,237,621,555,768</b>	<b>72,609,635,106</b>	<b>6.2%</b>

The healthy performance of the life insurance industry reflects the continued increase in awareness among Malaysians on the importance of insurance protection.

As a whole, the life insurance industry provided insurance protection to 12.5 million lives (lives with multiple policies are counted as separate lives) in 2015, an increase of 129,015 when compared with year 2014. The per capita sum assured also increased from RM38,075 in 2014 to RM39,929 in 2015.

### NUMBER OF POLICIES

Type	2014	2015	Difference	Growth
Traditional	8,443,494	8,217,633	(225,861)	-2.7%
Investment-Linked	3,862,323	4,215,701	353,378	9.1%
Group	93,671	95,169	1,498	1.6%
<b>TOTAL</b>	<b>12,399,488</b>	<b>12,528,503</b>	<b>129,015</b>	<b>1.0%</b>

The increase in the number of lives covered by life insurance and higher sum assured protection shows there is an increase in awareness among Malaysians on the importance of life insurance protection. However, the per capita sum assured of RM39,929 is still way below the amount needed to support one family member in the event of the death or disability of the breadwinner. Based on 2012 Underinsurance Study in Malaysia undertaken by University Kebangsaan Malaysia and LIAM in 2013, the average mortality gap for each member of a family is about RM100,000 to RM150,000.

Recognising this, the industry together with LIAM, will continue to step up its efforts and intensify the various consumer awareness campaigns and promotional activities to further increase the awareness level among all Malaysians and reduce the insurance protection gap.

### SUM ASSURED PER CAPITA

	2014	2015
Total Sum Assured	1,165,011,920,662	1,237,621,555,768
Population	30,598,000	30,995,700
<b>Sum Assured per Capita</b>	<b>38,075</b>	<b>39,929</b>



Based on preliminary figures, the life insurance industry in Malaysia grew by 4.3% in 2015, as measured by new business APE (Annual Premium Equivalent = 10% Single Premium + 100% Annualised Premium). The new business total APE in 2015 was RM4.91 billion, as compared with RM4.71 billion in 2014.

Group insurance business achieved a strong growth rate of 15.8% in 2015. In terms of individual business, traditional policies regained its popularity, outpacing investment-linked business by growing at 5.2% as compared with a growth rate of 2.3% achieved by the latter.

## NEW BUSINESS – ANNUAL PREMIUM EQUIVALENT

Annual Premium Equivalent RM million	January to December		
	2014	2015	Growth
Individual			
• Traditional	1,815	1,909	5.2%
• Investment-linked	2,580	2,640	2.3%
Group	316	366	15.8%
<b>Individual + Group</b>	<b>4,710</b>	<b>4,914</b>	<b>4.3%</b>

On new business total premium basis, the industry grew 1.8% in 2015 with total premium volume recording RM9.12 billion.

## NEW BUSINESS – TOTAL PREMIUMS

Total Premium RM million	January to December		
	2014	2015	Growth
Individual			
• Traditional	2,247	2,331	3.7%
• Investment-linked	3,852	3,512	-8.8%
Group	2,852	3,272	14.8%
<b>TOTAL</b>	<b>8,951</b>	<b>9,115</b>	<b>1.8%</b>

The total premium for in-force policies grew moderately at 6.6% in 2015 for individual and group policies combined.

## IN-FORCE POLICIES

RM million	January to December		
	2014	2015	Growth
Individual - Traditional			
• Annualised Premiums	15,794	16,101	1.9%
• Single Premiums	744	758	1.9%
<b>TOTAL</b>	<b>16,538</b>	<b>16,859</b>	<b>1.9%</b>
Individual - Investment-linked			
• Annualised Premiums	10,493	11,911	13.5%
• Single Premiums	364	347	-4.7%
<b>TOTAL</b>	<b>10,857</b>	<b>12,258</b>	<b>12.9%</b>
Individual - Annuity			
• Annualised Premiums	69	79	14.5%
• Single Premiums	78	256	227.8%
<b>TOTAL</b>	<b>147</b>	<b>335</b>	<b>128.0%</b>
Group			
• Annualised Premiums	82	82	0.0%
• Single Premiums (YRT)	66	57	-12.8%
• Single Premiums (Others)	2,306	2,390	3.7%
<b>TOTAL</b>	<b>2,453</b>	<b>2,529</b>	<b>3.1%</b>
<b>TOTAL (Individual + Group)</b>	<b>29,995</b>	<b>31,981</b>	<b>6.6%</b>

The life insurance industry also registered an increase of 9.0% in claims payouts amounting to RM9.2 billion as compared with RM8.4 billion in 2014.

## CLAIMS PAYOUTS

Benefit	2014	2015	Difference	Growth
Death	1,048,707,941	1,142,175,201	93,467,260	8.9%
Disability	140,832,582	126,167,416	(14,665,166)	-10.4%
Medical	2,736,482,357	3,153,823,419	417,341,062	15.3%
Bonuses	3,441,593,472	3,609,357,545	167,764,073	4.9%
Others	1,056,524,751	1,154,778,363	98,253,612	9.3%
<b>TOTAL</b>	<b>8,424,141,103</b>	<b>9,186,301,944</b>	<b>762,160,841</b>	<b>9.0%</b>

The growth in claims payouts was contributed mainly by higher medical claims. The industry as a whole registered slightly lower disability claims payouts in 2015 while death claims increased moderately at 8.9% in line with the increase in in-force sum assured.

## Outlook

Moving forward, despite a challenging external environment, we remain optimistic that the life insurance industry is resilient to economic pressure as there is still a big gap in life insurance coverage in Malaysia. The strong focus by Bank Negara Malaysia and the industry to increase the insurance penetration rate as well as the Life Insurance and Family Takaful Framework (LIFE Framework), which came into force on 23 November 2015 will drive growth and change the landscape of the insurance industry in the near future.

The various initiatives within the three pillars in the LIFE Framework will have significant impact on the life insurance industry. The encouragement of alternative distribution channels will have a huge impact in expanding the reach and penetration of insurance in Malaysia. The opportunities in the digital and direct channels, will not only improve transparency and enable easier product comparisons, but also increase the reach and penetration of insurance among the new generation of consumers who are more educated and IT savvy.


The introduction of the Balanced Score Card is expected to improve the productivity and professionalism of insurance agents, and in turn will also further enhanced the brand image and the attractiveness of the insurance industry, which augurs well for the industry to meet the Government's vision of achieving 75% penetration rate by 2020 and reduce the protection gap among Malaysians.

On the outlook for 2016, given the uncertainties faced by the global and local economies, counter-balanced by the low insurance penetration rate in Malaysia, it is expected that the industry will achieve a moderate single digit growth.


Source: Life Insurance Association of Malaysia (LIAM)

# Life Insurance Business (2010-2014)


## Number of Policies



## Sums Insured




## New Business: Total Premiums




Source: Bank Negara Malaysia - Monthly Statistical Bulletin December 2015

## Total Business in Force: Annual Premiums




## Income




Source: Bank Negara Malaysia - Monthly Statistical Bulletin December 2015

## Outgo (Expenditure)



## Assets of Life Insurance Funds



Source: Bank Negara Malaysia - Monthly Statistical Bulletin December 2015

# Members of LIAM



## AIA Bhd.

Menara AIA  
99 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur  
Telephone No: 1300 88 1899 / 03-2056 1111  
Fax No: 03-2056 3791  
E-mail: My.Customer@aia.com  
<http://www.aia.com.my>



## eTiqa Insurance Berhad

Level 19, Tower C, Dataran Maybank  
No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur  
Telephone No: 03-2297 3888 Fax No: 03-2297 3800  
Oneline Contact Centre: 1 300 13 8888  
Email: [info@etiqua.com.my](mailto:info@etiqua.com.my)  
<http://www.etiqua.com.my>



## Allianz Life Insurance Malaysia Berhad

Level 29, Menara Allianz Sentral  
203, Jalan Tun Sambanthan  
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur  
Telephone No: 03-2264 1188 / 0688 Fax No: 03-2264  
1128  
E-mail: [Customer.service@allianz.com.my](mailto:Customer.service@allianz.com.my)  
<http://www.allianz.com.my>



## Gibraltar BSN Life Berhad

Bangunan Gibraltar BSN  
16, Jalan Tun Tan Siew Sin, 50050 Kuala Lumpur  
Telephone No: 03-2687 2000 Fax No: 03-2026 6097  
Customer Service: 03-2687 2020  
E-mail: [customerservice@gibraltarbsn.com](mailto:customerservice@gibraltarbsn.com)  
<http://www.GibraltarBSN.com>



## Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad

Menara Great Eastern  
303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur  
Telephone No: 03-4259 8888 Fax No: 03-4259 8000  
Email: [wecare-my@greateasternlife.com](mailto:wecare-my@greateasternlife.com)  
<http://www.greateasternlife.com>



## AXA AFFIN Life Insurance Berhad

8th Floor Chulan Tower  
3 Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur  
Telephone No: 03-2117 6688 / 1300 88 1616  
Fax No: 03-2117 6768  
Email: [customer.care@axa-life.com.my](mailto:customer.care@axa-life.com.my)  
<http://www.axa.com.my>



## Hannover Rueck SE, Malaysian Branch

Suite 29-01, Integra Tower, The Intermark  
348 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur  
Telephone No: 03-2687 3600  
Fax No: 03-2687 3760 / 2687 3762  
<http://www.hannover-re.com>





## Hong Leong Assurance Berhad

Level 3, Tower B, PJ City Development  
 No. 15A Jalan 219,  
 Seksyen 51A,  
 46100 Petaling Jaya  
 Telephone No: 03-7650 1818 Fax No: 03-7650 1991  
 Customer Service Hotline: 03-7650 1288  
 Customer Service Hotfax: 03-7650 1299  
<http://www.hla.com.my>



## Malaysian Life Reinsurance Group Berhad

Unit 39-A-6,  
 Level 39, Tower A,  
 Menara UOA Bangsar  
 No. 5, Jalan Bangsar Utama 1,  
 59000 Kuala Lumpur  
 Telephone No: 03-2780 6611 Fax No: 03-2780 6622  
 Email: [info@mlre.rgare.com](mailto:info@mlre.rgare.com)



## Manulife Insurance Berhad

16th Floor, Menara Manulife  
 6, Jalan Gelenggang  
 Damansara Heights,  
 50490 Kuala Lumpur  
 Telephone No: 03-2719 9228 Fax No: 03-2094 0972  
<http://www.manulife.com.my>



## MCIS Insurance Berhad

Wisma MCIS,  
 Jalan Barat,  
 46200 Petaling Jaya, Selangor  
 Telephone No: 03-7652 3388 Fax No: 03-7957 1562  
 E-mail: [customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my)  
<http://www.mcis.my>



PRUDENTIAL

## Prudential Assurance Malaysia Berhad

Level 17, Menara Prudential  
 10, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur  
 Telephone No: 03-2031 8228 Fax No: 03-2032 3939  
 Customer Service: 03-2116 0228  
 E-mail: [customer.mys@prudential.com.my](mailto:customer.mys@prudential.com.my)  
<http://www.prudential.com.my>



## Sun Life Malaysia Assurance Berhad

Level 11, No. 338, Jalan Tuanku Abdul Rahman,  
 50100 Kuala Lumpur  
 Telephone No: 03-2612 3600 Fax No: 03-2698 7035  
 Customer Careline: 1300 88 5055  
 Email: [wecare@sunlifemalaysia.com](mailto:wecare@sunlifemalaysia.com)  
<http://www.sunlifemalaysia.com>



## Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Ground Floor,  
 Menara Tokio Marine Life,  
 189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur  
 Telephone No: 03-2059 6188 Fax No: 03-2162 8068  
 E-mail: [customercare@tokiomarinelife.com.my](mailto:customercare@tokiomarinelife.com.my)  
<http://www.tokiomarine.com>



ZURICH®

## Zurich Insurance Malaysia Berhad

11th Floor, Menara Zurich  
 No. 12 Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur  
 Telephone No: 03-2146 8000 Fax No: 03-2142 5863  
 Call Centre: 1 300 888 622  
 Email: [CEM@zurich.com.my](mailto:CEM@zurich.com.my)  
<http://www.zurich.com.my>



**Persatuan Insurans Hayat Malaysia**  
**Life Insurance Association of Malaysia**

**No.4, Lorong Medan Tuanku Satu, Medan Tuanku, 50300 Kuala Lumpur, Malaysia.**

: 603-2691 6168 / 2691 6628 / 2691 8068      : 603-2691 7978

: [www.liam.org.my](http://www.liam.org.my)    : [liaminfo@liam.org.my](mailto:liaminfo@liam.org.my)

: [Insurans Hayat Cares](#)